

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD ANUAR MOHD TAHIR  
[TEMERLOH]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan inisiatif untuk meningkatkan pengedaran air berkualiti disebabkan paip usang malah sungai-sungai sumber bekalan air sering tercemar akibat kelodak dari pembangunan, sisa kimia perindustrian, mendapan dan muka sauk tidak dapat berfungsi dikala kemarau serta Loji Rawatan Air (LRA) tenggelam di musim banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara inisiatif untuk meningkatkan pengedaran air berkualiti disebabkan paip usang adalah seperti berikut:

- i. penggantian paip (utama, retikulasi dan penghubung);
- ii. pembaikan kebocoran dan limpahan takungan perkhidmatan;
- iii. pembangunan *Hydraulic Modelling*, Sistem Pemantauan (SCADA/Telemetry) dan *Geographical Information System* (GIS);
- iv. pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) dan *Pressure Management Area* (PMA);
- v. pengesanan dan pembaikan kebocoran secara aktif; dan
- vi. pemasangan dan penukaran meter (pengguna/SIV/DMZ).

2. Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM726 juta bagi membiayai projek bekalan air di negeri Pahang seperti berikut:

- i. Peruntukan RM446 juta bagi pembinaan Loji Rawatan Air Semambu Fasa 3 berkapasiti 145 juta liter sehari (JLH) dan RM173 juta bagi pembinaan Tangki Imbangan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Daerah Kuantan terutamanya di kawasan Perindustrian Gebeng;
- ii. peruntukan sebanyak RM18 juta bagi menaiktaraf LRA Bilut, LRA Semantan dan LRA Sungai Klau di Daerah Raub bagi mengatasi masalah kekeruhan pada musim hujan; dan
- iii. pelaksanaan Program Air Tidak Berhasil (NRW) Kebangsaan Pendekatan 1 dengan peruntukan geran sebanyak RM89 juta melibatkan skop kerja seperti penukaran meter-meter pengguna

dan meter *System Input Volume* (SIV) dan pembaikan tangki perkhidmatan yang rosak.

3. Di bawah Pelan Perniagaan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) bagi tempoh operasi keempat (2021-2024), sebanyak RM920 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan kerja-kerja kapital di bawah pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang merangkumi kerja-kerja pembinaan dan naiktaraf loji, pembinaan dan baikpulih tangki perkhidmatan dan kerja-kerja NRW. Satu projek khusus yang dicadangkan melibatkan pembinaan LRA berkapasiti 20 JLH di Lanchang, Temerloh dengan kos sebanyak RM92.65 juta dan cadangan penggantian paip-paip lama di sekitar Daerah Temerloh dengan kos sebanyak RM13.6 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Tanggungjawab ke atas sumber air dan tanah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri. Oleh itu, kawalan sumber air dan langkah-langkah kawalan pembangunan tanah perlu dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air terpelihara dan menghalang aliran kelodak dan mendapan yang boleh menjejaskan operasi loji rawatan air.

Sekian, terima kasih.